

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODUL  
PENGAJARAN KOOPERATIF TERHADAP  
PENGUASAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS  
TINGGI DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI**

**AZIEYANA BINTI AZIZ**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODUL PENGAJARAN KOOPERATIF TERHADAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI

IJAZAH: IJAZAH SARJANA (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)

Saya AZIEYANA BINTI AZIZ, Sesi 2015-2019 mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Aziz

AZIEYANA BINTI AZIZ

MP1511504T

Tarikh: 24 April 2019

  
Disahkan Oleh,  
NORAZLYNN MOHD JOHAN @ JCYLINE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

  
(Dr. Christina Andin)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

**24 April 2019**

  
**AZIEYANA BINTI AZIZ**

**MP1511504T**

## **PENGESAHAN**

NAMA : **AZIEYANA BINTI AZIZ**

NO. MATRIK : **MP1511504T**

TAJUK : **KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODUL PENGAJARAN KOOPERATIF TERHADAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA**

**(KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**


TARIKH VIVA : **23 JANUARI 2019**

### **DISAHKAN OLEH:**

#### **PENYELIA**

Dr. Christina Andin

Tandatangan:



## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat menghasilkan kajian ini dengan jayanya. Sepanjang penghasilan kajian ini, pelbagai masalah telah saya hadapi. Namun, atas kerjasama daripada pelbagai pihak seperti pensyarah penyelia, pensyarah-pensyarah lain, keluarga mahupun rakan-rakan yang telah banyak memberi sokongan, bantuan serta tunjuk ajar dalam menghasilkan kajian ini, saya akhirnya berjaya menyiapkan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Penghargaan khusus saya berikan buat pensyarah penyelia iaitu Dr. Christina Andin atas segala tunjuk ajar, komen dan penambahbaikan yang telah beliau berikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Sesungguhnya, tanpa pertolongan dan pengawasan dari beliau, projek ini tidak dapat saya laksanakan dengan lancar. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.

Terima kasih juga saya ucapkan buat seluruh keluarga saya. Sesungguhnya, atas dorongan mereka semua saya mampu mengumpul semangat untuk terus berjuang demi mencapai kejayaan yang mereka impikan buat anakanda mereka. Akhir sekali, buat pensyarah dan rakan-rakan lain yang turut membantu dalam memberikan tunjuk ajar dan dorongan, terima kasih saya ucapkan. Segala pertolongan yang diberi amatlah saya hargai dan semoga jasa baik kalian akan beroleh rahmat daripada Allah S.W.T.

Azieyana Binti Aziz

24 April 2019

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan keberkesanannya penggunaan Modul Pengajaran Kooperatif (MPK) terhadap penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Ekonomi. Kajian dijalankan menggunakan kaedah eksperimen pengagihan rawak di tiga buah sekolah menengah di daerah Keningau dan melibatkan seramai 62 orang pelajar tingkatan lima yang mengambil subjek Ekonomi. Di setiap sekolah, pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri daripada kumpulan kawalan yang diajar menggunakan strategi pembelajaran konvensional dan kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi pembelajaran kooperatif. Keseluruhan tempoh kajian ialah sembilan minggu iaitu 72 jam yang dibahagikan kepada tiga minggu iaitu 24 jam di setiap sekolah. Markah kumpulan pelajar kemudian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows Version 20.0 (SPSS)*. Perisian SPSS digunakan untuk mendapatkan min keseluruhan markah kumpulan kawalan dan rawatan dalam ujian pra pasca, nilai ujian-t, signifikan, min persepsi pelajar serta hubungan penggunaan strategi pembelajaran dengan penguasaan KBAT. Hasil daripada analisis data yang dilakukan terhadap ujian pra-pasca kumpulan rawatan dan kawalan mendapat terdapat peningkatan tahap KBAT pelajar dalam kumpulan rawatan dengan jumlah min markah 59.26 berbanding dengan kumpulan kawalan dengan jumlah min markah 50.45. Nilai korelasi juga menunjukkan hubungan yang positif iaitu 0.782. Keadaan ini menunjukkan penggunaan strategi pembelajaran kooperatif dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meningkatkan KBAT pelajar. Proses interaksi yang berlaku melalui pembelajaran kooperatif membantu meningkatkan keupayaan pelajar menganalisis, memberikan idea baharu serta membuat hubung kait. Kajian ini memberi implikasi penting untuk mengenal pasti alternatif yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan KBAT pelajar.

**Kata kunci:** keberkesanannya, kemahiran berfikir aras tinggi, pembelajaran konvensional, pembelajaran kooperatif, strategi, subjek Ekonomi

## **ABSTRACT**

### ***The Effectiveness of Using the Cooperative Teaching Module on the Acquisition of Higher Order Thinking Skill in Economic Subject***

*This study was conducted to identify the effectiveness of using the cooperative teaching module on the acquisition of higher order thinking skill (HOTS) in Economic subject. The study was conducted using a randomized distribution experiment method among three secondary schools in Keningau district which involved 62 form five students who took Economic subject. In each school, students are divided into two groups comprising control groups taught using conventional learning strategies and treatment groups taught using cooperative learning strategies. The entire study period is nine weeks, which is 72 hours divided into three weeks, which is 24 hours in every school. Students' marks then analyzed using the Statistical Package for Social Science for Windows Version 20.0 (SPSS) software. SPSS software is used to obtain the overall mean of control and treatment group marks in pre-post test, t-test value, significant, and the relationship between the use of learning strategies and students' higher order thinking skills. Final results shows that there was an increase in the HOTS level in the treatment group with a mean score of 59.26 compared to the control group with a mean score of 50.45. Correlation values also showed a positive correlation which is 0.782. These results show that the use of cooperative learning strategies in teaching and learning increase students' HOTS. The interaction process through cooperative learning helps to improve the ability of students to analyze, provide new ideas and make connections. This study has important implications for identifying alternatives that teachers can use to enhance the students' HOTS.*

***Key words:*** effectiveness, higher order thinking skills, conventional learning, cooperative learning, strategy, Economic subject

## **ISI KANDUNGAN**

	Muka Surat
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	2
1.3    Pernyataan Masalah	3
1.4    Tujuan Kajian	5
1.5    Objektif Kajian	6
1.6    Persoalan Kajian	7
1.7    Hipotesis Kajian	7
1.8    Kepentingan Kajian	8
1.9    Skop Kajian	10
1.10   Limitasi Kajian	11

1.11	Definisi Istilah dan Operasional	11
1.11.1	Modul Pengajaran Kooperatif	11
1.11.2	Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Pengajaran	12
1.11.3	Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar	12
1.12	Kesimpulan	13

## **BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	14
2.2.1	Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	15
2.2.2	Tokoh Berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	16
2.2.3	Model Kemahiran Berfikir	19
2.3	Teori Pembelajaran	22
2.3.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	26
2.3.2	Strategi Pengajaran dan Pemudahcaraan Aktif	30
2.3.3	Kaedah Pengajaran Untuk Pembelajaran Kooperatif	39
2.4	Teori Interaksi	43
2.5	Kajian-kajian Lepas	46
2.5.1	Tahap KBAT Pelajar	46
2.5.2	Amalan Pengajaran KBAT Guru	47
2.5.3	Pelaksanaan Pembelajaran Aktif	49
2.5.4	Penggunaan Pembelajaran Kooperatif	51
2.5.5	Penggunaan Modul Pengajaran	54
2.6	Kerangka Konseptual	55
2.7	Kesimpulan	57

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	58
3.2	Pendekatan Kajian	58
3.3	Reka Bentuk Kajian	59
3.4	Lokasi Kajian	61
3.5	Populasi dan Persampelan	61
3.6	Instrumen Kajian	62
3.6.1	Kaedah Temu Bual	64
3.6.2	Ujian Pra-Pasca	66
3.6.3	Borang Cerapan Berstruktur	69
3.6.4	Borang Soal Selidik	71
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.8	Prosedur Kajian	74
3.9	Analisis Data	75
3.10	Kajian Rintis	78
3.11	Kesimpulan	80

## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	81
4.2	Data Demografi Responden	82
4.3	Kesan Penggunaan MPK dari Perspektif Guru	83
4.4	Kesan MPK dari Perspektif Pelajar	86
4.4.1	Perbezaan Skor Keputusan Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan	86

4.4.2	Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Strategi Pembelajaran Koperatif dan Konvensional untuk Meningkatkan Penguasaan KBAT Pelajar	94
4.4.3	Hubungan antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Konvensional dengan Penguasaan KBAT Pelajar	96
4.4.4	Hubungan antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Kooperatif dengan Penguasaan KBAT Pelajar	97
4.5	Cabaran Mengintegrasikan KBAT Menggunakan Strategi Pembelajaran Kooperatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	99
4.6	Kesimpulan	110

## **BAB 5: RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

5.1	Pendahuluan	111
5.2	Rumusan Kajian	112
5.2.1	Apakah Persepsi Guru Mengenai Kesan Penggunaan Modul Pengajaran Kooperatif Terhadap Kemahiran Pengajaran Guru?	114
5.2.2	Adakah Terdapat Perbezaan Penguasaan KBAT antara Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Pembelajaran Konvensional dan Kumpulan Rawatan yang Menggunakan Modul Pengajaran Kooperatif?	115
5.2.3	Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan KBAT Selepas Penggunaan Strategi Pembelajaran Konvensional?	116
5.2.4	Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan KBAT Selepas Penggunaan Strategi Pembelajaran Kooperatif?	117

5.2.5	Apakah Hubungan Antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Konvensional dan Kooperatif dengan Penguasaan KBAT Pelajar?	117
5.2.6	Apakah Cabaran Mengintegrasikan KBAT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran?	118
5.3	Rumusan Keputusan Hipotesis	120
5.4	Perbincangan	121
5.4.1	Penggunaan Modul Pengajaran	121
5.4.2	Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif untuk Meningkatkan KBAT Pelajar	122
5.4.3	Cabaran untuk Mengintegrasikan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran	124
5.5	Implikasi Kajian	126
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan dan Tindakan	127
5.7	Kesimpulan	129
<b>RUJUKAN</b>		130
<b>LAMPIRAN</b>		141

## **SENARAI JADUAL**

	Muka Surat
Jadual 2.1: Pendekatan Teori Pembelajaran	24
Jadual 2.2: Ringkasan Strategi Pembelajaran	37
Jadual 3.1: Jumlah Populasi di Daerah Keningau	61
Jadual 3.2: Instrumen Kajian Mengikut Objektif	63
Jadual 3.3: Jadual Spesifikasi Item Soalan Objektif Set Ujian Pra	67
Jadual 3.4: Jadual Spesifikasi Item Soalan Subjektif Set Ujian Pra	67
Jadual 3.5: Jadual Spesifikasi Item Soalan Objektif Set Ujian Pasca	68
Jadual 3.6: Jadual Spesifikasi Item Soalan Subjektif Set Ujian Pasca	68
Jadual 3.7: Julat Markah	69
Jadual 3.8: Borang Cerapan Berstruktur	70
Jadual 3.9: Panduan Penilaian Kekerapan	73
Jadual 3.10: Ringkasan Penggunaan Instrumen Kajian dan Analisis Data	77
Jadual 3.11: Nilai Kesahan Item	79
Jadual 4.1: Taburan Responden Kajian Pelajar	82
Jadual 4.2: Taburan Responden Kajian Guru	82
Jadual 4.3: Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan	86
Jadual 4.4: Ujian Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan	86
Jadual 4.5: Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan	88
Jadual 4.6: Ujian Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan	88
Jadual 4.7: Statistik Ujian-t Pra Kawalan-Rawatan	89
Jadual 4.8: Analisis Ujian-t Pra Kawalan-Rawatan	89
Jadual 4.9: Statistik Ujian-t Pasca Kawalan-Rawatan	90
Jadual 4.10: Analisis Ujian-t Pasca Kawalan-Rawatan	91
Jadual 4.11: Min Kaedah Asas Pemikiran Kumpulan Kawalan dan Rawatan	92
Jadual 4.12: Tahap Kecenderungan Skor Min Kekerapan	93
Jadual 4.13: Min Persepsi Pelajar	95

Jadual 4.14: Tahap Kecenderungan Skor Min Keberkesanan	96
Jadual 4.15: Data Deskriptif Pembelajaran Konvensional	97
Jadual 4.16: Data Korelasi Pembelajaran Konvensional	97
Jadual 4.17: Data Deskriptif Pembelajaran Kooperatif	98
Jadual 4.18: Data Korelasi Pembelajaran Kooperatif	98
Jadual 4.19: Min Cabaran	107
Jadual 5.1: Rumusan Keputusan Hipotesis	121

## **SENARAI RAJAH**

	Muka Surat
Rajah 2.1: Tahap Kemahiran Berfikir Mengikut Aras Taksonomi Bloom Semakan Anderson	17
Rajah 2.2: Model Kemahiran Berfikir Swartz dan Reagen (1988)	19
Rajah 2.3: Model Pemikiran/Kemahiran Berfikir Maria (2013)	20
Rajah 2.4: Model Kemahiran Berfikir Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014)	21
Rajah 2.5: Perbezaan Pendidikan Tradisional dan Pendidikan Berasaskan Projek	32
Rajah 2.6: Model Faktor Pengaruh Pembelajaran Kooperatif Slavin (1995)	39
Rajah 2.7: Kerangka Konseptual Kajian	56
Rajah 3.1: Prosedur Pelaksanaan Eksperimen	72
Rajah 3.3: Carta Alir Prosedur Kajian	74

## **SENARAI SINGKATAN**

KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
MPK	Modul Pengajaran Kooperatif
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A: PROTOKOL TEMU BUAL	141
LAMPIRAN B: TRANSKRIP TEMU BUAL	142
LAMPIRAN C: KOD TEMATIK TEMU BUAL	160
LAMPIRAN D: SET SOALAN PRA-PASCA	167
LAMPIRAN E: BORANG KAJI SELIDIK PELAJAR	182
LAMPIRAN F: BORANG KAJI SELIDIK GURU	186

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan kemahiran yang sangat penting dalam pendidikan abad ke 21. Rentetan itu, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk meningkatkan amalan KBAT. Namun begitu, pengintegrasian KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah masih berada pada tahap yang rendah (Rosma, Ong, Shakinaz dan Wong, 2012). Antara faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku ialah pengajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan secara konvensional dan tidak aktif (Ishak, 2009; Harison, 2008; Rajendran, 2001). Dalam kebanyakan situasi, guru hanya berfungsi sebagai pemberi maklumat dan pelajar bertindak sebagai penerima maklumat (Rian dan Kamisah, 2012). Keadaan ini tidak menggalakkan interaksi dua hala yang membantu kepada proses berfikir pelajar. Proses pengajaran yang bersifat sehalia ini menyebabkan pelajar hanya menghafal konsep sesuatu pembelajaran, sehingga aspek berfikir diabaikan (Rian dan Kamisah, 2012). Sekiranya guru kekal dengan kaedah pengajaran yang bersifat konvensional tanpa menggalakkan pelajar berfikir mengenai konsep pembelajaran mereka, maka kemahiran berfikir pelajar akan kekal berada pada tahap yang rendah.

Untuk menggalakkan pelajar berfikir, guru seharusnya menggunakan strategi pembelajaran aktif yang dapat membantu dalam meningkatkan pemikiran dan tindak balas pelajar (Wheatly, 1992). Antara bentuk pembelajaran aktif ialah pembelajaran kooperatif yang cenderung menarik minat pelajar sekaligus menjadikan proses pengajaran dan pemudahcaraan lebih bermakna (Rafiza, 2013). Pembelajaran kooperatif dapat membantu perkembangan berfikir pelajar melalui perbincangan dan

membantu meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan modul pengajaran kooperatif terhadap penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam mata pelajaran Ekonomi.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan penggunaan modul pengajaran kooperatif untuk mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan dalam mata pelajaran Ekonomi. Untuk pelaksanaan kajian, penyelidik menggunakan pembelajaran kooperatif sebagai strategi utama pengajaran. Pembelajaran kooperatif dipilih menjadi strategi pembelajaran utama disebabkan oleh konsep pembelajaran berasaskan kumpulan yang ingin diterapkan oleh penyelidik. Perkara ini turut selaras dengan penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menjadikan elemen kolaboratif sebagai satu daripada lima cara membudayakan Pendidikan Abad Ke 21 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017).

Melalui pembelajaran secara berkumpulan, pelajar dapat melaksanakan perbincangan untuk menganalisis sesuatu masalah, memberikan pendapat, membuat kesimpulan serta menjana idea dengan lebih aktif berbanding pelajar belajar secara individu (Malar, 2013). Kaedah perbincangan dalam kumpulan ini membantu pelajar menganalisis maklumat dengan lebih terperinci hasil daripada perbincangan yang dilakukan dalam kalangan ahli kumpulan. Strategi pembelajaran kooperatif yang mementingkan pembelajaran secara berkumpulan ini akhirnya membantu mengembangkan kemahiran berfikir pelajar dengan lebih berkesan.

Dalam kajian ini, modul pengajaran kooperatif (MPK) dibangunkan menggunakan kerangka konsep pembangunan modul oleh Donnelly dan Fitzmaurice. Menurut Donelly dan Fitzmaurice (2005), terdapat keperluan untuk menghasilkan modul pengajaran. Ini kerana, modul pengajaran dapat membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Perkara ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ovelyn, Baharom, Dg. Norizah, dan Molod (2013) yang menunjukkan keberkesanan dalam pengajaran selepas penggunaan modul pengajaran.

Terdapat tiga komponen utama dalam modul yang digunakan iaitu bahagian pengenalan, teras, dan bahagian penilaian serta mempunyai lima topik utama. Topik

pertama ialah Pengenalan Kepada Ekonomi, topik kedua ialah Pendapatan Individu dan Pendapatan Boleh Guna. Topik ketiga ialah Permintaan dan Penawaran, topik keempat pula ialah Firma dan Pengeluaran manakala topik kelima ialah Pasaran Barang dan Pasaran Faktor.

Penggunaan modul pengajaran dapat membantu mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Ini kerana, penggunaan modul pengajaran dapat membantu guru untuk melaksanakan proses pengajaran dengan lebih berkesan (Ovelyn et al., 2013). Penggunaan MPK ini pula dapat memberi panduan dan pendedahan kepada guru mengenai kaedah pengajaran KBAT untuk para pelajar. Dengan menggunakan pembelajaran kooperatif, pelajar dapat belajar dalam satu kumpulan yang mewujudkan lebih banyak interaksi seperti perbincangan, perkongsian pendapat dan mentafsir maklumat. Situasi tersebut membantu pelajar untuk lebih banyak berfikir sekaligus membantu meningkatkan KBAT dalam kalangan pelajar.

Selain daripada membantu mengembangkan kemahiran berfikir pelajar, penggunaan modul pengajaran kooperatif dapat memberi pendedahan kepada guru mengenai strategi pengajaran KBAT sekaligus membantu guru meningkatkan kemahiran pedagogi pengajaran mereka. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu guru-guru mengubah strategi pengajaran mereka yang bersifat konvensional kepada pembelajaran aktif bagi meningkatkan KBAT pelajar.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

KBAT diperlukan dalam semua mata pelajaran dan pengajaran merentasi kurikulum di sekolah. Ini kerana pengintegrasian KBAT dapat membantu percambahan pemikiran pelajar sekaligus mendorong pelajar membuat keputusan dengan lebih rasional dan bertimbang rasa dalam menyelesaikan masalah (Chiew dan Shashipriya, 2014). Selain itu, pengintegrasian KBAT dalam pengajaran juga dititikberatkan bagi membolehkan pelajar berfikir dengan lebih mendalam, membuat kesimpulan dan refleksi, seterusnya mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar (Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia, 2015). Namun begitu, penggunaan strategi pembelajaran konvensional yang masih digunakan oleh guru menyebabkan

KBAT dalam kalangan pelajar kurang berkembang dan masih berada pada tahap yang rendah.

Rancangan Rangka Jangka Panjang Tiga (RRJP3) 2001-2010, telah menekankan bahawa peralihan ekonomi akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran dan kepakaran teknologi serta tenaga buruh yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran berfikir yang tinggi (Saifuddin, 2002). Ekoran daripada perkara tersebut, pengintegrasian KBAT sejak di bangku sekolah lagi sangat penting untuk memupuk kemahiran berfikir seperti menganalisis, menyelesaikan masalah serta menjana daya cipta bagi menyediakan pelajar dengan keperluan alam pekerjaan dan peralihan ekonomi pada masa hadapan.

Namun begitu, sepanjang tempoh pengenalan KBAT pada tahun 2001 di Malaysia sehingga kini, pengintegrasian KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan masih berada pada tahap yang rendah (Rosma et al., 2012). Kaedah pembelajaran berbentuk sehala yang bergantung kepada guru dan tidak berpusatkan pelajar kurang mengembangkan kemahiran berfikir dan prestasi pembelajaran pelajar (Ishak, 2009). Penekanan yang lebih kepada penguasaan fakta dan konsep berbanding kemahiran berfikir semasa di dalam bilik darjah juga menyukarkan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Sarimah dan Shaharom, 2008). Walaupun pengajaran KBAT harus diintegrasikan dalam pengajaran, namun guru masih kekal dengan kaedah konvensional menyebabkan pelajar tidak dapat mengintegrasikan KBAT dalam topik yang dipelajari sehingga tahap kemahiran berfikir pelajar masih berada pada tahap yang rendah (Chiew dan Shashipriya, 2014; Ishak, 2009).

Strategi pembelajaran guru yang berbentuk konvensional pula adalah disebabkan oleh kurangnya kemahiran pedagogi pengajaran KBAT (Noriza dan Effandi, 2014). Walaupun guru telah mengikuti kursus dan latihan pengajaran KBAT, namun kursus dan latihan ini bersifat umum mengenai teori pengajaran KBAT (Noriza dan Effandi, 2014) dan tidak berfokus kepada sesuatu mata pelajaran. Keadaan ini menyebabkan guru sukar mengaplikasikan strategi pengajaran tersebut. Tambahan pula, tidak semua guru berpeluang untuk menghadiri kursus dan latihan pengajaran KBAT ini (Noriza dan Effandi, 2014). Keadaan ini akhirnya menyebabkan guru masih kurang pendedahan mengenai strategi pengajaran KBAT walaupun terdapat kursus dan latihan yang diberikan.

Mata pelajaran Ekonomi dipilih sebagai mata pelajaran untuk kajian ini. Mata pelajaran Ekonomi dipilih kerana ia merupakan antara mata pelajaran di bawah Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang terlibat dalam rombakan silibus yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017. GPMP untuk mata pelajaran ini berada pada paras sederhana iaitu 5.96 pada tahun 2018 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2018). Sebelum rombakan silibus dilakukan, GPMP untuk mata pelajaran ini masih mencatatkan keputusan yang kurang memberansangkan iaitu 6.29 pada tahun 2017 dan 6.39 pada tahun 2016 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Untuk meningkatkan keboleh pasaran pelajar dalam melanjutkan pembelajaran dalam bidang ekonomi, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini perlu ditingkatkan. Justeru, pengintegrasian KBAT dalam mata pelajaran ini penting sebagai usaha untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik memilih untuk mengembangkan cadangan kajian lepas mengenai penyediaan modul pengajaran (Noriza dan Effandi, 2014) dalam mata pelajaran Ekonomi kepada guru sebagai alternatif untuk memberi pendedahan mengenai strategi pengajaran KBAT. Penghasilan modul pengajaran tersebut pula adalah berdasarkan strategi pembelajaran kooperatif yang dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir pelajar (Walker, 2003; Rafiza, 2013). Ciri-ciri strategi pembelajaran kooperatif yang melibatkan pengaplikasian pengetahuan, membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berupaya mencipta sesuatu adalah selaras dengan ciri-ciri yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengintegrasikan KBAT. Melalui strategi pembelajaran kooperatif, pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna sekaligus membantu mengembangkan kemahiran berfikir pelajar (Rafiza, 2013).

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Pelbagai kajian telah dijalankan oleh penyelidik lepas berkaitan dengan masalah pengintegrasian KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah. Antara masalah yang wujud dalam usaha mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran ialah kurangnya kemahiran pengajaran KBAT dalam kalangan guru untuk melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan.

Ekoran daripada kurangnya kemahiran pengajaran KBAT ini, guru kekal menggunakan strategi pengajaran yang bersifat konvensional sehingga menyebabkan kemahiran berfikir pelajar kurang dikembangkan. Oleh yang demikian, penyelidikan ini memberi fokus kepada penggunaan modul pengajaran kooperatif dalam mata pelajaran Ekonomi untuk memberi pendedahan kemahiran pengajaran KBAT kepada guru sekaligus meningkatkan penguasaan KBAT pelajar dalam pembelajaran.

### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian merupakan matlamat utama yang ingin dicapai oleh penyelidik selepas kajian dilaksanakan. Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan kajian yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanannya penggunaan modul pengajaran kooperatif terhadap penguasaan kemahiran pengajaran KBAT guru dan pelajar. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti persepsi guru mengenai kesan penggunaan modul pengajaran kooperatif terhadap kemahiran pengajaran guru.
- ii. Untuk menentukan perbezaan penguasaan KBAT antara kumpulan kawalan yang menggunakan pembelajaran konvensional dan kumpulan rawatan yang menggunakan modul pengajaran kooperatif
- iii. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penguasaan KBAT selepas penggunaan strategi pembelajaran konvensional
- iv. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penguasaan KBAT selepas penggunaan strategi pembelajaran kooperatif
- v. Untuk mengenal pasti hubungan di antara penggunaan strategi pembelajaran konvensional dengan penguasaan KBAT pelajar
- vi. Untuk mengenal pasti hubungan di antara penggunaan strategi pembelajaran kooperatif dengan penguasaan KBAT pelajar
- vii. Untuk mengenal pasti cabaran mengintegrasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan

## **1.6 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah persepsi guru mengenai kesan penggunaan modul pengajaran kooperatif terhadap kemahiran pengajaran guru?
- ii. Adakah terdapat perbezaan penguasaan KBAT antara kumpulan kawalan yang menggunakan pembelajaran konvensional dan kumpulan rawatan yang menggunakan modul pengajaran kooperatif?
  - a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor keputusan ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan?
  - b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor keputusan ujian pra dan pasca dalam kumpulan rawatan?
  - c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor keputusan ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
  - d. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor keputusan ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- iii. Apakah persepsi pelajar terhadap penguasaan KBAT selepas penggunaan strategi pembelajaran konvensional?
- iv. Apakah persepsi pelajar terhadap penguasaan KBAT selepas penggunaan strategi pembelajaran kooperatif?
- v. Apakah hubungan di antara penggunaan strategi pembelajaran konvensional dengan penguasaan KBAT pelajar?
- vi. Apakah hubungan di antara penggunaan strategi pembelajaran kooperatif dengan penguasaan KBAT pelajar?
- vii. Apakah cabaran mengintegrasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan?

## **1.7 Hipotesis Kajian**

Hipotesis ialah satu pernyataan yang dibuat tentang sesuatu fenomena yang diselidik dalam bentuk ramalan tentang hubung kait antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dijangka mempunyai kaitan (Noraini, 2010). Terdapat empat jenis hipotesis yang boleh dibuat dalam sesuatu penyelidikan iaitu hipotesis tidak terarah, hipotesis terarah, hipotesis nul dan hipotesis alternatif.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2015. Prinsip Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 3(2), 29-42.
- Aliza Ali, dan Zamri Mahamod. 2016. Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain Bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 16-29.
- Anderson, L. W., dan Krathwohl, D. R. 2001. *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy*. New York: Longman Publishing.
- Bahagian Pendidikan Guru. 1994. *Model Persediaan Mengajar Pengajaran Pembelajaran KBKK*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 1993. *Kemahiran Berfikir: Konsep, Model dan Strategi Pengajaran dan pemudahcaraan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2004. *Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2014. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Ekonomi: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Bell, D., dan Kahrhoff, J. 2006. *Active Learning Handbook*. Missouri: Webster University.

- Berms, R. G., dan Erickson P. M. *Contextual Teaching and Learning: Preparing Students for the New Economy*. Dilayari pada 20 Julai 2016, daripada [http://www.cord.org/uploadedfiles/NCCTE\\_Highlight05ContextualTeachingLearning.pdf](http://www.cord.org/uploadedfiles/NCCTE_Highlight05ContextualTeachingLearning.pdf).
- Beyer, B. K. 1987. *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Borich, G. D. 2011. *Effective Teaching Method*. New York: Pearson.
- Braun, V. dan Clarke, V. 2006. Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Brown, D. 2007. *Principles of Language Learning and Teaching, Fifth Edition*. New York: Pearson Longman.
- Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia. Mac 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Caroline @ Lorena David, dan Abdul Said Ambotang. 2014. Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Arast Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*.
- Carroll, L., dan Leander, S. 2001. *Improving Student Motivation Through the Use of Active Learning Strategies*. Thesis Master of Arts Action Research Project. Saint Xavier University and SkyLight Field-Based Masters Program. U.S.
- Carter, M. J., dan Fuller, C. 2015. *Symbolic Interactionism*. USA: Sociopedia.isa
- Casey, A., dan Goodyear, V. A. 2015. Can Cooperative Learning Achieve the Four Learning Outcomes of Physical Education? A Review of Literature. *Quest*, 67:1. 56-72.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih, dan Mohd Hairy Ibrahim. 2013. Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran, *Jurnal Pendidikan Bitara UPSTI*, 6(2), 1-7.

- Farah Aida Sanip, dan Che Nidzam Che Ahmad. 2014. Kesedaran Strategi Metakognitif dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan (KPM), Jilid 15, 2014.*
- Fogarty, R. 1997. *Problem Based Learning and Other Curriculum Models for the Multiple Intelligences Classroom*. Australia: Hawker Brownlow Education.
- Gagne, R. M., Briggs, L. J., dan Wager, W. W. 1992. *Principles of Instructional Design (4<sup>th</sup> Edition)*. TX: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Gillies, R. M. 2016. Cooperative Learning: Review of Research and Practice. *Australian Journal of Teacher Education, 41(3), 41-54.*
- Goethals, P. L. 2013. *The Pursuit of Higher-Order Thinking in the Mathematic Classroom: A Review*. New York: United States Military Academy.
- Green, L. S., dan Casale-Giannola, D. 2011. 40 Active Learning Strategies for the Inclusive Classroom, Grades K-5. USA: Corwin a Sage Company.
- Hala Abbas Laz, dan Karema Eid Shafel. 2014. The Effectiveness of Constructivist Learning Model in Teaching of Mathematics. *Journal of Applied and Industrial Sciences, 2(3), 106-109.*
- Hamiloglu, K., dan Temiz, G. 2012. The Impact of Teacher Questions on Student Learning in EFL. *Journal of Education and Instructional Studies in the World, 2(2), 1-8.*
- Harison Bakar. 2008. *Kesedaran Guru-guru Matematik Tentang Standard Pengajaran Matematik*. Tesis Sarjana. Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Heinich, R., Molenda, M. dan Russel, J.D. 1991. *Instructional Media and Technologies of Instruction (4<sup>th</sup> ed)*. New York: MacMillan Publisher Ltd.
- Henry, J. 1994. *Teaching Through Project*. London: Kogan Page Limited.
- Hilman, W. 2003. Learning How to Learn: Problem Based Learning. *Australian Journal of teacher Education, 28(2), 1-10.*
- Hudson, C. C., dan Whisler, V. R. 2008. Contextual Teaching and Learning for Practitioners. *Systemic, Cybernetics and Informatics, Vol. 6, No. 4.*

- Hurst, B., Wallace, R., dan Nixon, S. B. 2013. The Impact of Social Interaction on Student Learning. *Reading Horizons*, 52(4), 375-398.
- Ishak Baba. 2009. *Keberkesanan Pengajaran dan pemudahcaraan dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Geran Jangka Pendek VOT 0486, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Isman, A. 2005. The Implementation Results of New Instructional Design Model: Isman Model. *The Turkish Online Journal of Education Technology*, 4(7), 47-53.
- Isman, A. 2011. Instructional Design in Education: New Model. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(1), 136-142.
- Johnson, D. W., dan Johnson, R. T. 1991. *Principles of Cooperative Learning*. Edina, MN: Interaction Book Company.
- Jumadi. 2004. *Pembelajaran Kontekstual dan Implementasinya*. Workshop Sosialisasi dan Implementasi Kurikulum 2004.
- Johnson, D. W., dan Johnson, R. T. 2009. *An Overview of Cooperative Learning*. Baltimore: Brookes Press.
- Jones, M. G, dan Brader-Araje, L. 2002. The Impact of Constrictivism on Education. *American Education Journal*, 5(3), 1-10.
- Jong Suk Kim. 2005. The Effect of Constructivist Teaching Approach on Student Academic Achievement, Self-concept, and Learning Strategies. *Asia Pacific Education Review*, 6(1), 7-19.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karli, H., dan Yuliariatiningsih, M. S. 2003. *Model-Model Pembelajaran*. Bandung: Bina Media Informasi.
- Kaya, Z., dan Akdemir, A. S. 2016. *Learning and Teaching: Theories, Approaches and Models*. Ankara, Turki: COZUM.
- Khalid Johari. 2003. *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Selangor: Prentice Hall, Pearson (M) Sdn. Bhd.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Pembelajaran Abad Ke 21*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2017. Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2018. Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- King, F. J., Goodson, L., dan Rohani, F. 1998. *Higher Order Thinking Skills*. Daripada [http://www.cala.fsu.edu/files/higher\\_order\\_thinking\\_skills.pdf](http://www.cala.fsu.edu/files/higher_order_thinking_skills.pdf)
- Klimoviene, G., Urbaniene, J., dan Barzdziukinie, R. 2006. Developing Critical Thinking through Cooperative Learning. *Studies about Languages*, 1(9), 79-84.
- Krajcik, J., Blumenfeld, P. C., Marx, R. W., Bass, K. M., Fredricks, J., dan Soloway, E. 1998. Inquiry in project-based science classrooms: Initial attempts by middle school students. *The Journal of the Learning Sciences*, 7(3), 313-350.
- Landell, K. 1997. *Management by Menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Limbach, B., dan Waugh, W. 2006. Developing Higher Level Thinking. *Journal of Instructional Pedagogies*. Chadron State College.
- Low Kee Sun, dan Lay Yoon Fah. 2013. Perbandingan Pola Pembelajaran Kontekstual dan Tahap Konsep Sains Pelajar Sekolah Rendah di Singapura. *Jurnal Teknologi*, 91-96.
- Malar, M. 2013. Kesan Kaedah STAD Terhadap Ketekalan Pengetahuan Sejarah dan Kemahiran Sosial Murid Tingkatan Dua. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*, 29-30 Ogos 2013.
- Maria Salih. 2013. Konsep Pemikiran dan Kemahiran Berfikir Kritis. *Pemikiran Kritis dan Kreatif: Konsep, Pendekatan dan Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Marzano, R. J., Brandt, R. S., Hughes, C. S., Jones, B. F., Presseisen, B. Z., Rankin, S. C., dan Suhor, C. 1988. *Dimension of Thinking: A Framework for Curriculum and Instruction*. USA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Hulu Kelang: Dawama Sdn. Bhd.
- Mohd Syaubari Othman, dan Ahmad Yunus Kassim. 2016 Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol. 3(2), 80-91.
- Mok Soon Sang. 2008. *Educational Psychology and Pedagogy: Learner and Learning Environment*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Hazrul Ismail. 2012. Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding PERKEM VII, Jilid 2, 906-913*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasab, M. Z., Esmaeili, R., dan Sarem, H. N. 2015. The Use of Teaching Aids and Their Positive Impact on Student Learning Elementary School. *International Academic Journal of Social Sciences*, 2(11), 22-27.
- Newman, F. M. 1990. Higher Order Thinking in Teaching Social Studies: A Rational for the assessment of classroom thoughtfulness. *Journal of Curriculum Studies*, 22(1), 41-56.
- Nik Azis Nik. 2003. *Penggunaan Teori dan Rangka Teori dalam Penyelidikan Pendidikan Matematik. Masalah Pendidikan (Issues in Education)*, 2(1), 29-61.
- Norasyikin Mohd Zaid, dan Nurulhidayah Ariff. 2008. *Pengaplikasian Pendekatan Pembelajaran Aktif Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia).

- Noriza Kassim, dan Effandi Zakaria. 2014. Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan pemudahcaraan Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Persidangan Serantau Sizswazah Pendidikan*.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin, & Rahimah Ismail. 2012. Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding PERKEM VII, Jilid 1 (2012)*: 435-445.
- Ovelyn Matanluk, Baharom Mohammad, Dg. Norizah Ag. Kiflee, & Molod Imbug. 2013. The Effectiveness of Using Teaching Module based on Radical Constructivism towards students Learning Process. *Journal of Social and Behavioural Sciences*, 90, 607-615.
- Partnership for 21<sup>st</sup> Century Skills. 2010. *21<sup>st</sup> Century Readiness for Every Student: A policymaker's Guide*. <http://www.p21.org>.
- Phawani, V. 2009. Cooperative Learning as a Means to Developing Students' Critical and Creative Thinking Skills. *Proceedings of the 2<sup>nd</sup> International Conference of Teaching and Learning*.
- Pejabat Pendidikan Daerah Keningau. 2015. Analisis Peperiksaan SPM 2015. Keningau: Unit Peperiksaan Keningau.
- Philips, J. A. 1997. *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2004. *Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qiong Jia. 2010. A Brief Study on the Implication of Constructivism Teaching Theory on Classroom Teaching Reform in Basic Education. *International Education Studies*, 3(2), 197-199.
- Rafiza Abdul Razak. 2013. Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif atas Tallian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.
- Ramos, J. L., Dollipas, B., dan Villamor, B. 2013. Higher Order Thinking Skills and Academic Performance in Physics of College Students: A Regression

- Analysis. *International Journal of Innovative Interdisciplinary Research*, 4(1), 48-60.
- Rajendran, N. S. 2001. *Amalan Berdaya Fikir Pengajaran Pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Bilik Darjah*. Konvension Pendidikan ke-10, Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Rian Vebrianto, dan Kamisah Osman. 2012. Keberkesanan Penggunaan Pelbagai Media Pengajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Proses Sains dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37(2), 1-11.
- Rosma Osman, Ong, E. T., Shakinaz Desa, dan Wong, K. T. 2012. Tahap Kemahiran Berfikir Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 5(5), 1-11.
- Rosnani Hashim, dan Suhailah Hussein. 2003. *The Teaching of Thinking in Malaysia (1<sup>st</sup> edition)*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Routman, R. 2005. *Writing Essentials: Raising Expectations and Results while Simplifying Teaching*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Ruggiero, V. R. 1988. *Teaching Thinking Across the Curriculum*. New York: Harper and Row.
- Saifuddin Abdullah. 2002. Masa untuk Paradigma Baru Bekerja. Utusan Online. Daripada:[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0206&pub=UtusanMalaysia&sec=Rencana&pg=re\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0206&pub=UtusanMalaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm)
- Salihuddin Md Suhaidi, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasyikin Mohd. Zaid, dan Zaleha Abdullah. 2014. Penggunaan Pelajar Dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dengan Pembelajaran Kaedah Sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos 2014.
- Sanjaya, W. 2006. *Strategi pembelajaran*. Bandung: Kencana Prenada Media.
- Saniah Sembak, Nor Hasnida Che Md Ghazali, dan Noorzeliana Idris. 2011. Kesan Strategi Pengajaran Berasaskan Konstruktivisme Terhadap Pengetahuan Konseptual Pelajar. *National Academic Conference (ENRICH 2011)*.

- Sarimah Kamrin, dan Shaharom Nordin. 2008. Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 13(48), 58-72.
- Shabiralyani, G., Hasan, K. S., Hamad, N., dan Iqbal, N. 2015. Impact of Visual Aids in Enhancing the Learning Process Case Research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education and Practice*, 6(19), 266-233.
- Shaharom Nordin. 1994. *Penghasilan dan Penilaian Keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri Fizik di kalangan Pelajar Berbeza Jantina pada Peringkat Tingkatan Empat*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Sezer, B., Yilmaz, F. G. K., dan Yilmaz, R. 2013. Integrating Technology into Classroom: The Learner-Centered Instructional Design. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 4(4), 134-144.
- Slavin, R. E. 1995. *Cooperative Learning: Theory, Research and Practice*. 2<sup>nd</sup> ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Smaldino, S. O., Lowther, D. L., dan Russel J. D. 2012. *Instructional Technology and Media for Learning* 10<sup>th</sup> ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Subadrah Nair, dan Malar a/p Muthiah. 2005. Penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 21-41.
- Suhaimi Zakaria, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasyikin Mohd Zaid, dan Zaleha Abdullah. 2014. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Stesen Rotasi Pelbagai Mod. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 11-13 Ogos 2014. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, dan Mohd Uzi Dollah. 2012. Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 2(1), 18-36.
- Suryosubroto, B. 1983. *Sistem Pengajaran dengan Modul*. Yogyakarta: Bina Aksara

- Swartz, R. J., dan Parks, S. 1994. Infusing *The Teaching of Critical and Creative Thinking into Content Instruction*. US: Critical Thinking Press.
- Takaya, K. 2008. Jerome Bruner's Theory of Education: From Early Bruner to Later Bruner. *Interchange*, 39(1), 1-19.
- Topping, K. J., Thurston, A., Tolmie, A., Christie, D., Murray, P., dan Karagiannidou, E. 2011. Cooperative Learning in Science: Intervention in the Secondary School. *Research in Science and Technological Education*, 29(1), 91-106.
- Thomas, G. 2009. *How to do Your Research Project*. London: SAGE Publications.
- Thurston, A., Topping, K. J., Tolmie, A., Christie, D., Karagiannidou, E. dan Murray, P. 2009. Cooperative Learning in ScienceL Follow up from Primary to High School. *International Journal of Science Education*, 32(4), 501-522.
- Walker, S. E. 2003. Active Learning Strategies to Promote Critical Thinking. *Journal of Athletic Training*. 38(3), 263-267.
- Wheatley, G. H. 1992. The role of reflection in Mathematics learning. *Educational Studies in Mathematics*. 23(5), 529-541.
- Zainal Abidin Zainuddin, dan Afrinaleni Binti Suardi. 2010. *Keberkesanan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran dan pemudahcaraan Matematik*. Skudai: Universiti Teknologi Mara.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Bin Saim, dan Roslina Abd Mutalib. 2011. *Hubungan Antara Minat, Sikap dan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus CC301-Quantity Measurement*. Port Dickson: Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson.
- Zuraina Ismail, dan Anisah Ahmad. 2012. *Analisa Keberkesanan Program Pengukuhan Asas Matematik Pelajar Baru Jun 2012 Politeknik Seberang Perai*. Seberang Perai: Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Politeknik Seberang perai.